

Kecenderungan Mahasiswa Berprogram Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan

Tendency of Students to Join Program during Movement Control Order

HAZLIN FALINA ROSLI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
MALAYSIA

hazlinfalina@kuis.edu.my

NORZIAH OTHMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
MALAYSIA

norziah@kuis.edu.my

Kata Kunci:

*Perintah Kawalan Pergerakan;
Program Pembangunan Mahasiswa*

ABSTRAK

Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh kerajaan bagi mengekang penularan pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia dan seluruh dunia, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menyahut saranan ini bagi mengelakkan perjumpaan di tempat awam bagi mematuhi segala prosedur yang telah ditetapkan. Namun ia dilihat boleh menjejaskan produktiviti warganya terutama mahasiswa apabila segala aktiviti akan terbatas dan tergendala. Oleh yang demikian mahasiswa sendiri perlu mengambil inisiatif pintar dengan mengadakan program pembangunan mahasiswa secara atas talian melalui media sosial sedia ada. Maka objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kecenderungan mahasiswa berprogram sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP). Sebanyak 89 program yang melibatkan sembilan buah persatuan mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah telah dijalankan sepanjang sesi 2020/2021 yang bermula pada Mac 2020 hingga Februari 2021. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada 113 orang mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi melalui taburan frekuensi dan ujian bukan parametrik bagi mengkaji kecenderungan mahasiswa-mahasiswa ini ketika berprogram. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa lelaki dan perempuan memiliki kecenderungan yang sama dalam berprogram dan tiada beza antara mereka daripada segi kecenderungan mereka untuk berubah kepada kebaikan. Mahasiswa juga didapati lebih cenderung kepada program perkongsian ilmu dan Instagram dikenalpasti sebagai media sosial

yang kerap digunakan oleh mahasiswa untuk bersiaran. Akhir sekali kajian ini berpandangan walaupun pelbagai program tidak dapat dijalankan secara bersemuka tetapi ia tidak menghalang mahasiswa untuk beraktiviti di atas talian.

Keywords:

Movement Control Order; Students' Development Program

ABSTRACT

Following the Movement Control Order (MCO) announced by the government to curb the spread of the Covid-19 pandemic that hit Malaysia and the world, the Selangor International Islamic University College (KUIS) responded to this call to avoid meetings in public places to comply with all procedures. However, it is seen to affect the productivity of its citizens, especially students when all activities will be limited and disrupted. Therefore, students themselves need to take smart initiatives by holding student development programs online through existing social media. Hence the objective of this study is to examine the tendency of students to program throughout the movement control command (MCO). A total of 89 programs involving nine student associations of the Faculty of Management and Muamalah were conducted during the 2020/2021 session which began in March 2020 to February 2021. This study uses a quantitative approach through the distribution of questionnaires to 113 students of the Faculty of Management and Muamalah. Data were analysed using descriptive and inferential methods through frequency distribution and non-parametric tests to study the tendency of these students while joining activities. The findings of the study show that male and female students have the same tendency in joining program and there is no difference between them in terms of their tendency to change for the better. Students were also found to be preferred to join knowledge sharing programs and Instagram was identified as a social media that is frequently used by students to post. Finally, this study is of the view that although various programs cannot be conducted face to face, it does not prevent students from being active online.

Received : June 27, 2021

Accepted : Oct 8, 2021

Online Published : Nov 30, 2021

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 adalah wabak penyakit yang muncul mulai tahun 2019 dikenalpasti berpunca daripada pernafasan akut teruk (SARS-CoV-2). Penularan pandemik Covid-19 ketika ini menjadi satu tragedi cukup menyayat hati kepada dunia termasuk Malaysia. Cukup tragis dan sedih apabila saban hari kita dimaklumkan bahawa jumlah kumulatif kes positif Covid 19 di seluruh dunia kini telah melepasi 205 juta kes dengan angka kematian mencecah 4.33 juta (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Malaysia juga tidak terkecuali. Lebih 700,000 kes dilaporkan dengan kematian telah mencecah lebih empat angka (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Bagi mengekang penularan jangkitan virus ini dalam kalangan penduduk, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020. PKP ini dilihat sebagai satu langkah yang paling berkesan untuk mengekang penularan pandemik ini.

Namun, perintah kawalan ini dijangka memberi cabaran dan risiko yang besar terhadap industri di seluruh negara. PKP akibat Covid-19 dilihat bukan sahaja mengancam sektor kesihatan dan ekonomi, bahkan sektor pendidikan terutamanya institusi pengajian tinggi (IPT) turut terjejas teruk. Semua pihak dan individu yang terlibat dalam industri ini, daripada pihak pengurusan, pensyarah, mahasiswa sedang melalui saat yang sukar dalam menjalankan kewajipan masing-masing.

Peningkatan kes COVID-19 telah mempengaruhi sektor ekonomi setiap negara di dunia ini, termasuklah sektor pendidikan tinggi. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga turut terjejas dengan ketara akibat gelombang wabak ini. Kesan ini merangkumi penjarakan sosial, kuarantin, langkah pengasingan, penutupan kampus, penutupan sempadan, dan sekatan perjalanan (QS, 2020). Rata-rata IPT di seluruh dunia menghadapi cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya. Di Amerika Latin dan Caribbean, penutupan sementara IPT telah mempengaruhi kira-kira 23.4 juta mahasiswa dan 1.4 juta pensyarah di wilayah-wilayah yang diwakili lebih daripada 98% populasi (UNESCO IESALC, 2020). IPT di seluruh dunia juga terpaksa melakukan penutupan di semua kampus dengan menukar kaedah pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran atas talian. Tidak terkecuali situasi tersebut turut berlaku di Malaysia yang secara tidak langsung memberi kesan keterbatasan kepada pihak IPT dan mahasiswa khususnya dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang telah direncanakan sebelum ini.

Disebabkan peningkatan kes yang mendadak, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) terpaksa mengumumkan penutupan kelas secara fizikal atau bersemuka. Ini secara tidak langsung menyebabkan pemilihan pembelajaran atas talian sebagai kaedah pembelajaran alternatif. Kebaikan kaedah dan persekitaran pembelajaran ini, mahasiswa mempunyai kebebasan dalam belajar dan berhubung dengan pensyarah mereka di mana sahaja yang mereka inginkan (Singh & Thurman, 2019). Namun mahasiswa KUIS telah mengambil inisiatif melaksanakan pelbagai program sepanjang tempoh PKP secara atas talian. Pelaksanaan pelbagai program atas talian memberikan banyak kelebihan serta dapat mengembangkan kemahiran baharu dalam proses yang membawa kepada pembelajaran sepanjang hayat (Dhawan, 2020).

Kesemua IPT di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dikehendaki meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) namun bukan secara bersemuka sebaliknya secara atas talian sepanjang tempoh tersebut. Mahasiswa tidak dibenarkan berada di kampus dan segala aktiviti yang biasa dilakukan sebelum ini perlu dilaksanakan secara atas talian. Kini sudah lebih setahun mahasiswa perlu menjalani pengajian dengan norma baharu ini.

Perlaksanaan program secara atas talian memberikan kelebihan kepada mahasiswa apabila mereka bebas memilih waktu untuk menyertai program yang dianjurkan. IPT juga memperoleh kelebihan pada masa yang sama melalui penganjuran program secara atas talian kerana ia lebih menjimatkan kos dengan liputan khalayak yang luas di samping kurang melibatkan aktiviti fizikal yang lebih menjamin kepada keselamatan (Misko et al., 2004).

Kegusaran timbul terhadap kualiti pelaksanaan program secara atas talian berbanding bersemuka (Panyajamorn et al., 2018). Suatu kajian di United Kingdom melaporkan para mahasiswa lebih cenderung melakukan aktiviti secara bersemuka (Lau dan Shaikh, 2012).

Keberkesanan pelaksanaan program secara atas talian didapati mempengaruhi kesediaan mahasiswa untuk terlibat secara aktif dalam berprogram.

Walaupun demikian, Kementerian Pengajian Tinggi menyarankan semua IPT agar mengambil inisiatif dengan menganjurkan program yang menarik serta bermanfaat secara atas talian kepada mahasiswa. Masa lapang mahasiswa ketika di rumah diharap terisi selain dapat menambahkan ilmu yang dikongsikan melalui program yang dilaksanakan.

MAHASISWA BERPROGRAM

Mahasiswa merupakan aset penting dalam memacu pembangunan negara pada masa akan datang. Perkataan “Mahasiswa” merupakan sebuah ungkapan yang secara terminologinya melambangkan pendirian anak muda yang mempunyai jiwa dan semangat yang sentiasa membara dalam mempersiapkan diri menuju kehidupan yang lebih baik.

Selaras dengan itu, ramai mahasiswa dewasa ini yang melibatkan diri secara aktif dalam persatuan. Hal ini sinonim dengan satu frasa yang menyatakan bahawa “Mahasiswa agen transformasi masyarakat”. Melalui program secara maya yang dilaksanakan mahasiswa mampu mengembangkan potensi diri mereka dan secara tidak langsung dapat berinteraksi dengan masyarakat dengan lebih dekat. Namun penglibatan secara aktif dalam mana-mana program anjuran mahasiswa secara tidak langsung memberi kesan terhadap prestasi kecemerlangan akademik, mental, sahsiah tambahan lagi dalam keadaan negara dilanda wabak Covid 19 (Aizuddin, 2017).

Institusi pengajian merupakan tempat yang mendedahkan mahasiswa kepada kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi dan juga budaya bekerja berpasukan yang dipupuk ketika terlibat dalam acara sambutan perayaan, program mobiliti dan khidmat masyarakat. Menurut Musick & Wilson (2003) dalam kajiannya mendapati bahawa penglibatan seseorang mahasiswa dengan aktiviti atau program boleh membawa kesan positif dalam dirinya secara peribadi. Mahasiswa IPT yang melibatkan diri dengan program mahasiswa mempunyai gaya kehidupan yang lebih berdisiplin dan kebanyakan mereka dilihat lebih mempunyai keyakinan diri dan mampu mengurus masa dengan lebih sistematik (Haski-Leventhal et al., 2008).

Astin (2000) mentakrifkan penglibatan mahasiswa dalam persatuan sebagai pelaburan fizikal dan menyumbang kepada pembangunan psikologi yang berlaku sepanjang pengajian di universiti. Kuantiti masa yang diperuntukkan dalam melakukan aktiviti persatuan didapati berkadar terus dengan kualiti program yang dihasilkan. Kajian oleh Elizabeth Ann Foreman & Michael S. Retallick (2012) mendapati bahawa jumlah masa diperuntukkan ketika melakukan aktiviti bepersatuan mampu meningkatkan kemampuan kepimpinan dalam diri mahasiswa.

PERNYATAAN MASALAH

Pandemik Covid-19 telah mendidik rakyat Malaysia untuk menjalani kehidupan dalam norma baharu. Kehidupan dan aktiviti harian masyarakat kini telah banyak berubah. Salah satu bidang yang terkesan akibat pandemik ini adalah sektor pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun peringkat pengajian tinggi. Sememangnya Covid-19 telah memberi kesan kepada mahasiswa khususnya dari pelbagai aspek seperti kewangan, pengurusan masa, pembelajaran, dan aspek kesihatan (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Norma baharu telah mengheret sektor pendidikan negara ini ke arah penggunaan teknologi secara maksima. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hari ini adalah menggunakan kaedah pembelajaran atas talian. Kaedah ini digunakan bagi membendung pandemik ini daripada terus merebak. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai salah sebuah IPT di Malaysia turut menjalankan pengajaran dan pembelajaran atas talian sebagaimana saranan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh mahasiswa dalam melaksanakan aktiviti/program secara atas talian antaranya liputan internet yang kurang menyeluruh, kesukaran mendapatkan dana. Keterbatasan ini tidak seharusnya menjadi alasan kepada mahasiswa untuk tidak berprogram. Kehidupan sebagai mahasiswa yang terdidik dengan ilmu akademik dan bukan akakdemik melalui aktiviti berprogram perlu diteruskan agar nilai-nilai jati dirinya dibentuk dan mampu bersaing dengan graduan lain apabila berada dalam pasaran kerja kelak.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan program atas talian memberikan cabaran kepada mahasiswa kurang upaya dan mahasiswa kurang berkemampuan, serta mereka yang berada di luar bandar yang mempunyai sumber daya dan aksesibiliti yang terhad (The Regional Risk Communication and Community Engagement (RCCE) Working Group, 2020). Keterbatasan untuk mengakses dan melibatkan diri dalam program yang dianjurkan secara atas talian menyebabkan perbezaan dan keciciran dalam kalangan mahasiswa. Penglibatan mahasiswa atas talian ternyata memerlukan komitmen dan disiplin mahasiswa, terutama bagi golongan rentan yang memerlukan interaksi bagi membolehkan mereka memperkuatkan kemahiran sosial (UNESCO IESALC, 2020).

METODOLOGI

Borang soal selidik secara *google form* diagihkan kepada 113 orang mahasiswa yang terdiri daripada pimpinan tertinggi mahasiswa bagi sembilan buah persatuan di bawah seliaan Fakulti Pengurusan dan Muamalah. Borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu maklumat demografi, tahap kecenderungan mahasiswa berprogram, kesan program kepada diri mahasiswa dan cadangan program yang diinginkan mahasiswa pada masa akan datang. Pengumpulan data melalui kaedah pensampelan bertujuan ini mensasarkan mahasiswa yang terlibat secara langsung dalam persatuan.

Analisis data kuantitatif secara deskriptif dilaksanakan bagi melihat taburan kekerapan mahasiswa melibatkan jantina, program pengajian dan jenis medium sosial yang digunakan oleh mahasiswa ketika berprogram. Analisis data kuantitatif secara inferensi pula dilaksanakan bagi melihat perbezaan antara mahasiswa lelaki dan perempuan daripada segi kecenderungan mereka berprogram. Perbezaan antara kedua-dua lelaki dan perempuan juga dilihat daripada segi kesan atau perubahan positif selepas berprogram. Ujian bukan parametrik digunakan iaitu ujian Mann-Whitney disebabkan oleh pembolehubah iaitu jantina adalah berstatus nominal atau kategori terhadap kecenderungan dan kesan (kedua-dua pembolehubah adalah jenis interval). Ujian Mann-Whitney adalah ujian lain yang boleh digunakan selain ujian t yang boleh membandingkan min bagi dua kumpulan bebas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis data secara deskriptif melibatkan taburan responden mendapati bahawa 75 orang mahasiswa perempuan menyumbang kepada 66.4 peratus responden kajian manakala selebihnya 33 peratus merupakan mahasiswa lelaki. 113 orang responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan mahasiswa daripada 13 program pengajian di bawah Fakulti Pengurusan dan Muamalah. Mahasiswa bagi program pengajian BB08 mencatatkan peratusan kekerapan tertinggi iaitu 21.2 peratus diikuti oleh BB02 dan BB05 yang masing-masing mencatatkan peratusan kekerapan 11.5 peratus. MS34 mencatatkan peratusan kekerapan 10.6 peratus, LS43 (8.8 peratus), MS31 (8 peratus), BB03 dan BB04 (6.2 peratus), BC02 (5.3 peratus) MS32(2.7 peratus), BB01 (1.8 peratus) dan CS41 (0.9 peratus).

Analisis terhadap maklumat program yang telah dianjurkan oleh sembilan persatuan mahasiswa di bawah Fakulti Pengurusan dan Muamalah sesi 2020/2021 turut dilakukan dalam kajian ini. Beberapa perkara dilihat seperti jenis program yang dilaksanakan dan medium yang digunakan bagi melaksanakannya. Sebanyak lapan puluh sembilan buah program mahasiswa sepanjang PKP (Jadual 1) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah dilaksanakan. Ini bagi membolehkan mahasiswa kolej universiti ini terus mendapat ilmu pengetahuan, kemahiran serta berupaya menyumbang bakti kepada masyarakat yang memerlukan walaupun berdepan dengan kekangan pergerakan.

Jadual 1: Program yang dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Muamalah bagi sesi 2020/2021

Kriteria program	Bil	Nama Program	Medium Pelaksanaan	Peratus Kekerapan
Kerohanian	1	Indahnya Syurga	Instagram (Live)	19, 21.35%
	2	Azabnya Neraka	Instagram (Live)	
	3	Kisah Luqman Al-Hakim	Instagram (Live)	
	4	Bacaan Al-Mathurat dan Surah Al-Waqiah	Instagram (Live)	
	5	Amalan pada bulan Ramadhan	Instagram (Live)	
	6	Weekly Sunnah with IBFC	Instagram (Live)	
	7	Revisi Dakwah	Whatsapp	
	8	Quran Hour	Instagram (Live)	
	9	• Ambang Ramadhan	Instagram (Live)	
	10	Ramadhan & Syawal di Norma Baharu	Instagram (Live)	
	11	Ramadhan dari Al-Aqsa	Instagram (Live)	
	12	Menyingkap Hikmah Ramadhan PKP Kali Ini	Instagram (Live)	
	13	Menelusuri Kelebihan Syahrul Tarbiah	Instagram (Live)	
	14	• Egoakah Aku	Instagram (Live)	
	15	• Ramadhan Goals	Instagram (Live)	
	16	Mutabaah Amal	Instagram (Live)	
	17	Kempen Rapatkan Saf – Jv dengan Alam	Instagram (Live)	
	18	• Jom Selawat	google meet	
	19	• Takbir Online	google meet	
Perkongsian Ilmu	1	Fiqh Wanita	Instagram	33, 37.08%
	2	Ramadan vs PKP	Instagram	
	3	Aurat terjaga, Maruah Terpelihara	Instagram	
	4	Ajaibnya bersedekah	Instagram	
	5	Fadhilat Mengejar Malam Lailatul Qadar	Instagram	
	6	Al-Quran Sumber Hidayah	Instagram	
	7	New Norma Aidilfitri	Instagram	
	8	Hagia Sofia Milik Siapa	Instagram	
	9	YES: Young Entrepreneur share	Instagram	
	10	Leaders' Talk	zoom	
	11	Live Forum – Rindu Seorang Kekasih	Instagram	
	12	Talk with Penasihat	Instagram	
	13	Business Talk	Instagram	
	14	Membudayakan Sains dalam Kehidupan	FBLive	
	15	Penghayatan Al-Quran	Instagram	
	16	E-Template Paperwork	Whatsapp	
	17	IBFC Studio	Youtube	
	18	• Maulid Forum Nabi	google meet	
	19	Pemacu Akademik	Instagram	
	20	Confessout	Instagram	
	21	Sirah An Nabawiyyah – Rasulullah Tokoh Perniagaan	Instagram	
	22	Sharing Time	Instagram	
	23	Muslimah Towards Professionalism	Instagram	
	24	Segmen “Jom Kaya Bahasa”	Instagram	
	25	Lensa Merdeka	Instagram	
	26	Sembang Kencang	Instagram	
	27	Study Bonding	Google Meet	
	28	• Kelas Asas Photoshop	FBLive	
	29	• Kelas Video ML Studio	FBLive	
	30	• Foreign Fact	FBLive	
	31	• Cakna Minda	Instagram	
	32	• Celik Econ	FBLive	
	33	Did You Know	Instagram	

Kriteria program	Bil	Nama Program	Medium Pelaksanaan	Peratus Keckerapan
Pertandingan/KUIZ	1	Pertandingan Video Pendek		
	2	Kuiz Semarak Ramadhan	Instagram	
	3	Pertandingan Merdeka Comic Fiesta		
	4	Pertandingan Gambar Paling Kreatif	Whatsapp	
	5	Pertandingan Mencipta Logo	Whatsapp	
	6	Crossword Puzzle	Whatsapp	
	7	Word Search	Whatsapp	
	8	Legend ML dan PUBG	Aplikasi PUBG	14, 15.73%
	9	Masterchef DAF Week	Whatsapp	
	10	Pertandingan Khas Merdeka	Instagram	
	11	E-kuiz Ramadhan	Instagram	
	12	Pantun Challenge	Instagram	
	13	Pantun Merdeka	Instagram	
	14	Voice over Challenge	Instagram	
Kesihatan	1	KBC Fitness Day	Instagram	
	2	Apa itu Depresi	Instagram	
	3	Stress Management Day	Instagram	
	4	How to Tackle Stress	Instagram	8, 9%
	5	Merdeka Fit Run – PMFPM	Instagram	
	6	Express Talk – Tackling Stress	Instagram	
	7	Live Sharing – Sembang Sihat	Instagram	
	8	E-FPM Berita Sukan Semasa	Instagram	
Khidmat Ummah	1	KBC Prihatin: Misi Bantuan Gelandangan	Bersemuka	
	2	Promo Projek Waqaf FPM	Whatsapp	4, 4.5%
	3	Sumbangan Water Dispenser	Whatsapp	
	4	Sumbangan PKP (IBFC)	Bersemuka	
Pemeriksaan Akademik	1	Majlis Anugerah Dekan	FbLive	
	2	Excellent to Excel	FB Live	
	3	Powerpoint 101	Whatsapp	
	4	Sarjana Tamu KAC DAF Week	Live facebook	
	5	sarjana Tamu IBFC DAF Week	Live Facebook	9, 10.11%
	6	Bicara Akademik KAC	Live Facebook	
	7	Bicara Akademik IBFC	Live Facebook	
	8	Compiling Past Year Paper	Whatsapp	
	9	Preparation for ODL Semester	Fb Live	
Hiburan Santai	1	OOTD Raya	Instagram	2, 2.25%
	2	Kad Raya Digital	Instagram	

Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2, sebanyak tiga puluh tiga buah program yang dijalankan adalah berbentuk perkongsian ilmu diikuti oleh sembilan belas program berbentuk kerohanian atau keagamaan. Program pemerikasaan akademik mahasiswa yang dijalankan melibatkan program perkongsian berkaitan subjek bersama penceramah jemputan yang pakar dalam bidang yang dikhususkan. Dua daripada empat program khidmat ummah telah dilaksanakan secara bersemuka semasa PKP bersyarat yang memberikan sedikit kelonggaran kepada mahasiswa untuk turun ke lapangan namun masih patuh kepada Garis Panduan dan Operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Lapan buah program berbentuk kesihatan dan dua program hiburan santai telah dianjurkan untuk mengurangkan ketegangan yang dihadapi oleh mahasiswa sepanjang PKP. Mahasiswa melalui persatuan diberikan kebebasan berkarya dan didapati berusaha menganjurkan pelbagai pertandingan secara atas talian yang menggalakkan penglibatan mahasiswa pada tahap yang maksimum. Ia dilihat mampu mengisi masa yang terluang dengan sesuatu yang memberikan manfaat kepada individu dan semua pihak.

Ini sejajar dengan pendapat Ali dan Eni Eryanti (2005) yang mendapati bahawa IPT perlu meningkatkan tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri mahasiswa seterusnya dapat membentuk disiplin dari sebarang kesalahan. Namun, menurut Awang dan Maimun (2017), keseimbangan diri mahasiswa yang merujuk kepada kombinasi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah hanya akan dapat dicapai apabila mahasiswa menghayati dan memahami setiap amalan kerohanian yang mereka amalkan hasil daripada pembelajaran melalui program. Melihat kepada kajian ini, program berbentuk kerohanian atau keagamaan dilihat sering menjadi pilihan mahasiswa dalam setiap penganjuran aktiviti.

Jadual 2: Jadual Kekekapan Jenis Program yang dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Muamalah bagi sesi 2020/2021

Jenis Program	Kekekapan	Peratusan
Perkongsian Ilmu	33	37.08
Kerohanian	19	21.35
Pertandingan /Kuiz	14	15.73
Kesihatan	8	8.99
Pemeriksaan Akademik	9	10.11
Khidmat Ummah	4	4.49
Hiburan Santai	2	2.25

Selain itu, Rozana & Nor Hashimah (2005) menyatakan bahawa masalah keruntuhan akhlak dan pelbagai kes semakin meningkat membabitkan remaja, ini bukan sahaja membimbangkan pihak institusi, malah turut membimbangkan penjaga kepada mahasiswa. Kedua-dua pihak institusi dan penjaga sebenarnya mempunyai peranan yang penting untuk mendidik mahasiswa-mahasiswa dalam membentuk sahsiah yang terpuji dan terpelihara. Bagi pihak IPT, langkah proaktif yang diambil adalah melalui penganjuran program-program berbentuk kerohanian.

Berdasarkan kepada analisis deskriptif terhadap maklumat program (Jadual 3) yang telah dianjurkan oleh sembilan persatuan di bawah Fakulti Pengurusan dan Muamalah, medium media sosial yang paling banyak digunakan bagi menjalankan program mahasiswa ini adalah instagram yang mencatatkan penggunaan sebanyak 61.8 peratus. Ia diikuti facebook (13.48 peratus), whatsapp (12.36 peratus), bersemuka (2.25 peratus), dan masing-masing satu peratus bagi medium Youtube, Zoom dan Aplikasi Permainan.

Jadual 3: Kekekapan Medium Pelaksanaan Program Mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah bagi sesi 2020/2021

Medium Pelaksanaan	Kekekapan	Peratusan
Instagram	55	61.80
Facebook	12	13.48
Whatsapp	11	12.36
Bersemuka	2	2.25
Youtube	1	1.12
zoom	1	1.12
Aplikasi	1	1.12

Dapatan ini sedikit berbeza dengan dapatan statistik yang dikeluarkan oleh (Pemasaran Media Sosial Malaysia, 2021) yang mendapati bahawa terdapat peningkatan sebanyak 24 peratus berbanding tahun 2016, dimana platform media sosial yang paling popular di kalangan pengguna di Malaysia pada tahun 2021 ialah Facebook diikuti Instagram, Facebook Messenger, dan LinkedIn. Di dalam kajian ini turut menyatakan sebanyak 86 peratus penduduk Malaysia adalah pengguna media sosial yang aktif. Dapatan kajian mendapati, perubahan mood yang disebabkan oleh pandemik Covid 19 merupakan salah satu faktor media sosial menjadi pilihan pengguna media. Kebanyakan rakyat Malaysia merasakan bahawa media sosial menyumbang kepada kebahagiaan mereka dan berpendapat bahawa sukar bagi mereka untuk berhenti daripada menggunakan media sosial.

Instagram merupakan media sosial yang paling kerap digunakan dalam pelaksanaan program mahasiswa. Ini menunjukkan bahawa mahasiswa lebih selesa berkongsi ilmu dengan rakan-rakan sebaya melalui Instagram walaupun mereka mempunyai pilihan media sosial yang lain. Menurut Suharsimi (2003), sikap dan disiplin mahasiswa wujud disebabkan oleh kesedarannya sendiri. Mahasiswa yang berdisiplin berupaya bertahan dengan dugaan dan cabaran sekaligus memacu kejayaan tanpa pengawasan orang lain. Disiplin ini dapat dibangunkan dalam diri mahasiswa apabila mereka aktif berpersatuan (Singgih Tego & Pardiman, 2012).

Analisis data kuantitatif secara inferensi bagi melihat perbezaan antara dua jantina terhadap kecenderungan dan kesan berprogram dilakukan melibatkan dua hipotesis berikut:

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan antara mahasiswa lelaki dan perempuan daripada segi kecenderungan mengikuti program yang dianjurkan.

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan antara mahasiswa lelaki dan mahasiswa perempuan daripada segi kecenderungan untuk berubah kepada lebih baik selepas mengikut program yang dianjurkan.

Jadual 4: Keputusan Ujian Mann-Whitney melibatkan Jantina Mahasiswa terhadap Kecenderungan mengikuti Program yang dianjurkan

Saya cenderung mengikuti semua program yang dianjurkan	
Mann-Whitney U	1422.000
Wilcoxon W	4272.000
Z	-.019
Asymp. Sig. (2-tailed)	.985

a. Grouping Variable: Jantina Mahasiswa

Seterusnya berdasarkan kepada Ujian Mann-Whitney yang dilakukan (Jadual 4), nilai p adalah 0.985 > 0.05 menyebabkan H₀₁ gagal ditolak, maka didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara mahasiswa lelaki dan mahasiswa perempuan daripada segi kecenderungan mereka untuk mengikuti program yang dianjurkan. Berdasarkan kepada Jadual 5, melihat kepada nilai min bagi kedua-dua jantina juga didapati tiada perbezaan yang ketara daripada segi kecenderungan mahasiswa berprogram. Ini menunjukkan bahawa mahasiswa lelaki dan perempuan memiliki kecenderungan yang sama dalam berprogram.

Jadual 5: Kedudukan Min bagi setiap Jantina Mahasiswa terhadap kecenderungan Mengikuti Program yang dianjurkan

Jantina Mahasiswa	N	Pangkat Min	Jumlah Pangkat
Saya cenderung mengikuti semua program yang dianjurkan.	Lelaki	38	57.08
	Perempuan	75	56.96
	Jumlah	113	

Jadual 6: Keputusan Ujian Mann-Whitney melibatkan Jantina Mahasiswa terhadap Kecenderungan mengikuti Program yang dianjurkan

Saya cenderung berubah ke arah lebih selepas mengikuti program yang dianjurkan	
Mann-Whitney U	1390.000
Wilcoxon W	2131000
Z	-.218
Asymp. Sig. (2-tailed)	.828

a. Grouping Variable: Jantina Mahasiswa

Jadual 7: Kedudukan Min bagi setiap Jantina Mahasiswa terhadap Kecenderungan Perubahan selepas mengikuti Program yang dianjurkan

Jantina Mahasiswa	N	Pangkat Min	Jumlah Pangkat
Saya cenderung berubah ke arah yang lebih baik selepas mengikuti program yang dianjurkan.	Lelaki	38	56.08
	Perempuan	75	57.47
	Total	113	

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan melalui Ujian Mann-Whitney (Jadual 6 dan Jadual 7), nilai p adalah $0.828 > 0.05$ menyebabkan H_0 juga gagal ditolak. Maka didapati tiada perbezaan antara mahasiswa lelaki dan mahasiswa perempuan daripada segi kesan positif program ke atas diri mereka selepas mengikuti program yang dianjurkan. Kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa lelaki dan perempuan memiliki kecenderungan yang sama untuk berubah selepas berprogram.

Berdasarkan Zaliza & Zaitul Azma (2013) para mahasiswa yang mempunyai sikap yang positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai sasaran dan begitulah sebaliknya. Manakala Mohamed et al. (1995) menegaskan bahawa sikap merupakan perkara peribadi berkaitan dengan perasaan dan pengalaman individu, menggambarkan cara berfikir dan bertindak dalam sebarang masalah yang mendorong mahasiswa bersedia untuk menerima teguran demi kebaikan masa depan mahasiswa sendiri.

Penganjuran program bual bicara, pertandingan sukan secara virtual termasuk cabaran menguruskan aktiviti secara sendiri di rumah membolehkan mahasiswa kolej universiti ini terus mendapat ilmu pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan walaupun berdepan kekangan pergerakan akibat Covid 19. Sebanyak 37.8peratus program yang dijalankan adalah berbentuk perkongsian ilmu manakala 21.35peratus melibatkan kerohanian dan selebihnya adalah program berbentuk pemerksaan akademik, kesihatan, pertandingan, khidmat ummah dan hiburan santai.

Penekanan penglibatan mahasiswa berprogram secara maya perlu giatkan oleh pihak universiti bagi membentuk kepimpinan dan kompetensi mahasiswa sebagai penerak pembinaan negara bangsa yang cemerlang di masa depan. Pelbagai program berbentuk santai melalui media sosial telah dianjurkan bagi mengurangkan ketegangan yang dihadapi oleh mahasiswa semasa berada dalam tempoh PKP dan ia telah mewujudkan norma baharu bagi kehadiran staf dan mahasiswa ke program yang dianjurkan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, mahasiswa lelaki dan perempuan didapati memiliki kecenderungan yang sama untuk terlibat menjayakan program. Mahasiswa juga memiliki kecenderungan yang sama untuk berubah selepas mengikuti program yang dianjurkan. tambah cadangan kepada kajian lanjutan: Program berbentuk perkongsian ilmu menjadi tarikan mahasiswa dan instagram merupakan media sosial yang kerap digunakan ketika berprogram. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti bepersatuan bukan sahaja mampu mempertingkatkan potensi diri malahan ianya merupakan satu amalan mulia serta menyumbang pelbagai kebaikan kepada individu, masyarakat, agama dan negara. Kajian ini mencadangkan beberapa kajian lanjutan agar kajian perbandingan melibatkan beberapa buah universiti di Malaysia dapat dijalankan supaya data yang diperolehi dapat menunjukkan gambaran yang sebenar yang berlaku dalam kalangan mahasiswa masa kini. Kajian kualitatif melalui temu bual terhadap mahasiswa-mahasiswa IPT juga dicadangkan pada masa akan datang untuk mendapatkan gambaran sebenar senario yang lebih mendalam. Tidak dinafikan pandemik COVID-19 sememangnya memberi kesan yang mendalam kepada seluruh rakyat Malaysia kerana terpaksa membiasakan diri melakukan aktiviti yang di luar norma kehidupan mereka. Kita semua tidak tahu bilakah COVID-19 akan hilang, tetapi adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan virus ini agar tidak terus tersebar. Semua pihak perlu berganding bahu mencari jalan penyelesaian bagi memastikan statistik mahasiswa yang mengalami masalah kesihatan mental ekoran perubahan rutin harian mereka ini dapat diturunkan. Sebagai warga KUIS, mahasiswa seharusnya sentiasa bersikap positif dan berdoa agar fenomena akibat penularan pandemik ini dapat diatasi dengan segera.

RUJUKAN

- Astin, A. W., & Astin, H. S. (2000). *Leadership reconsidered. Engaging higher education in social change*. Battle Creek, MI: W. K. Kellogg Foundation.
- Ali Suradin & Eni Eryanti Yusoff. (2005). *Penghayatan Nilai-Nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Mahasiswa. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005*.
- Azhari, FA, Ming, LC (2015) Review of e-learning practice at the tertiary education level in Malaysia. *Indian Journal of Pharmaceutical Education and Research* 49(4): 248–257.
- Bhuasiri, W, Xaymoungkhoun, O, Zo, H, et al. (2012) Critical success factors for e-learning in developing countries: a comparative analysis between ICT experts and faculty. *Computers and Education* 58(1): 843–855.
- Elizabeth Ann Foreman & Michael S. Retallick (2012). Undergraduate involvement in extracurricular activities and leadership development in College of Agriculture and Life Sciences Students. *Journal of Agricultural Education* 53 (2012): 111
- Folorunso, O, Ogunseye, OS, Sharma, SK (2006) An exploratory study of the critical factors affecting the acceptability of e-learning in Nigerian universities. *Information Management and Computer Security* 14(5): 496–505.
- Hussin, H, Bunyarit, F, Hussein, R (2009) Instructional design and e-learning: examining learners' perspective in Malaysian institutions of higher learning. *Campus-Wide Information System* 26(1): 4–19.
- Iqbal, MJ, Ahmad, M (2010) Enhancing quality of education through e-learning: the case study of Allama Iqbal Open University. *Turkish Online Journal of Distance Education* 11: 84–97.
- Kementerian Kesehatan Malaysia. 2021. 8 September.
- Misko, J, Choi, J, Hong, SY, et al. (2004) E-learning in Australia and Korea: learning from practice. Available at: <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED493966.pdf> (accessed 2 Jun, 2021).
- Ministry of Education Malaysia (MoE) (2015) *Malaysia Education Blueprint 2015–2025 (higher education)*. Putrajaya: Author.
- Mohamed, O., Mahyuddin, R. & Mohd Isa, A. M. (1995). *Asas Pendidikan IV : Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak*. Petaling Jaya : Longman Malaysia.
- Orton-Johnson, K (2009) “I’ve stuck to the path I’m afraid”: exploring student non-use of blended learning. *British Journal of Educational Technology* 40(5): 837–847.
- Pemasaran Media Sosial Malaysia. 2021. 8 September.
- QS (2020) The impact of the coronavirus on global higher education. Available at: <http://info.qs.com/rs/335-VIN-535/images/The-Impact-of-the-Coronavirus-on-Global-Higher-Education.pdf> (accessed 28 Mei, 2021).
- Randy, G (2011) E-learning in the 21st century. *A Framework for Research and Practice* 2: 110–111
- Singgih Tego Saputro & Pardiman (2012). Pengaruh Disiplin Belajar dan Lingkungan Teman Sebaya terhadap Prestasi Belajar Mahasiswa Program Studi Pendidikan Akuntansi Angkatan 2009 Fakultas Ekonomi Universitas Negeri Yogyakarta. *Jurnal Pendidikan Akuntansi Indonesia*, Vol. X, No. 1, 78-79.
- Siritongthaworn, S, Krairit, D, Dimmitt, NJ, et al. (2006) The study of e-learning technology implementation: a preliminary investigation of universities in Thailand. *Education and Information Technologies* 11(2): 137–160.
- Suharsimi Arikunto. (2003). *Manajemen Pengajaran Secara Manusiawi*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Singh, V., Thurman, A. (2019). How many ways can we define online learning? A systematic literature review of definitions of online learning (1988-2018). *American Journal of Distance Education*, 33(4), 289–306.

- Shivangi Dhawan. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*. 6 (2020).
- The Regional Risk Communication and Community Engagement (RCCE) Working Group (2020) COVID19: How to include marginalized and vulnerable people in risk communication and community engagement. Available at: [_CommunityEngagement_130320.pdf](#) (accessed 3 Jun, 2021).
- UNESCO IESALC (2020) UNESCO IESALC: COVID-19 and higher education: today and tomorrow. Impact analysis, policy responses and recommendations. Available at: <http://www.iesalc.unesco.org/en/wp-content/uploads/2020/04/COVID-19-EN-090420-2.pdf> (accessed 6 Jun, 2021).
- Zaliza Mohd Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Sikap dan Motivasi Mahasiswa Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Social and Behavioral Sciences*, 408-415.